

25 JUL 2003

Thaksin-Perundingan/EMBARGO/0001/26 Julai

THAKSIN DAN DR MAHATHIR ADAKAN PERUNDINGAN TAHUNAN DI LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Thailand, Thaksin Shinawatra, akan mengadakan Perundingan Tahunan semasa lawatan kerja Thaksin ke Langkawi Ahad ini.

Perundingan Tahunan itu adalah yang keempat bagi Thaksin bersama Dr Mahathir sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 1999, demikian menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

"Perundingan Tahunan itu terbukti sebagai forum yang sangat bermakna ke arah memperkukuhkan hubungan dan kerjasama antara Malaysia dan Thailand kerana ia memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincang dan mengkaji semula isu-isu dua hala yang mempunyai kepentingan bersama," katanya.

Semasa lawatan itu, kedua-dua pemimpin dijangka merasmi dan menyampaikan ucap-tama pada Dialog Rakan Perniagaan Teknologi Malaysia-Thailand anjuran Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT).

Kedua-dua pemimpin juga akan mengadakan pertemuan empat mata pada tengah hari, diikuti mesyuarat delegasi yang diketuai kedua-dua Perdana Menteri.

Malaysia dan Thailand akan menandatangani Deklarasi Bersama mengenai Kerangka kerja Dialog Kerjasama Malaysia-Thailand serta dua memorandum persefahaman -- Kerjasama mengenai urusan Perkastaman dan Kerjasama mengenai Bursa Saham - yang akan disaksikan oleh kedua-dua pemimpin itu.

Pada pertemuan itu, kedua-dua pemimpin akan membincangkan antara lain kerjasama semasa antara kedua-dua negara di kawasan sempadan, isu persempadanan, pelaburan dan perdagangan, projek saluran paip gas Trans Malaysia-Thailand di Selatan Thailand, kerjasama dalam maklumat, dan pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Thaksin dijadual berlepas pulang ke Bangkok pada pagi Isnin.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijadual menutup dialog itu pada Isnin.

-- BERNAMA

ZS ZS LAT